

Press Release

Media : GLAM DEKO
 Date : Oct 2013
 Page : Pg. 119
 Published : Monthly
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 20,000



Ceritakan mengenai sejarah anda bersama Tupperware dan perkembangan

jenama ini? Saya sudah bersama jenama ini hampir 17 tahun, sewaktu ia mula menjadi syarikat bebas dari Premark. Apabila syarikat ini hendak memulakan operasinya, mereka melantik pengerusi baru. Dan dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, kami melihat perkembangan yang cukup konsisten. Satu perkara yang kekal dari dahulu hingga kini adalah inovasi. Sewaktu Earl Tupper melancarkan jenama ini 60 tahun dahulu, dia dikenali sebagai *inventor* kerana menjadi orang pertama menggunakan plastik sebagai bahan untuk tempat penyimpanan makanan bersama teknologi *tight seal*. **Apakah falsafah kerja dan bagaimana anda menterjemahkannya pada Tupperware?** Falsafah bekerja saya mempunyai hubung kait yang kuat dengan jenama ini. Saya melihat

bicara deko GLAM|DEKO

INOVASI WARISAN

kepentingan produk ini adalah warisan itu sendiri. Ia berdasarkan kualiti, inovasi dan rekaan. Inilah tunjang utama Tupperware. Setiap kali saya melangkah ke tempat kerja inilah yang bermain di fikiran saya. Apakah inovasi terkini? Apakah rekaan terbaru yang boleh dihasilkan? Kami tidak mahu menjadi peniru kepada produk lain. **Apakah langkah yang diambil oleh Tupperware dalam menangani isu plagiat?** Langkah standard sama seperti syarikat lain iaitu mendaftarkan produk kami di bawah perlindungan tertentu sebagai hak cipta paten dan dalam kes-kes tertentu kami dibolehkan melindungi produk sebagai *utility packs protected*.

Namun pada dasarnya ia bukanlah perkara yang mengugurkan kerana saya di sini adalah untuk melihat ke hadapan dan apa lagi yang boleh kami tawarkan untuk memudahkan kehidupan pengguna. Masalah ini selalunya ditangani oleh pihak pengurusan yang bertanggungjawab di setiap negara. **Tempoh masa yang diambil oleh Tupperware untuk hadir dengan rangkaian produk baru?** Jika dilihat pada projek standard, ia memakan masa setahun setengah bermula dari ideanya diutarakan sehinggalah ia dilancarkan di pasaran. Kami cuba untuk melancarkan lebih 50 produk dan rangkaian baru di seluruh dunia. Pada setiap rangkaian pelbagai jenis produk yang hadir, anggaran 120 produk setahun. Dan kumpulan pemasaran adalah yang bertanggungjawab menentukan yang mana satu produk sesuai untuk dibawa ke pasaran mereka.

TUPPERWARE ADALAH JAWAPAN KEPADA SISTEM PENYIMPANAN MAKANAN SEMPURNA YANG MENJADI PELENGKAP GAYA HIDUP DI MALAYSIA SEJAK DULU LAGI. TERBABIT DALAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PRODUK, BILL WRIGHT SEMEMANGNYA INSAN TERBAIK UNTUK BERBICARA MENGENAI JENAMA INI.

TEKS SHAMRILL HADI HALIM
 GAMBAR TUPPERWARE

